

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PEMANDU DAN PENUMPANG

BAHAWASANYA Pihak Yang Diinsuranskan, menerusi permohonan dan perakuan sebagai sebahagian daripadanya, telah memohon kepada Liberty General Insurance Berhad (seterusnya dirujuk sebagai "Syarikat") untuk insurans yang terkandung seterusnya dan telah membayar premium yang dinyatakan dalam Jadual Polisi sebagai pertimbangan untuk insurans sedemikian bagi tempoh yang dinyatakan di dalamnya.

MAKA POLISI INI MEMPERSAKSIKAN:

Bahawa tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam polisi ini atau diendorskan atau selain dinyatakan di sini kemudiannya, Syarikat akan membayar pampasan kepada Pihak Yang Diinsuranskan secara dan setakat yang disediakan.

Syarikat bersetuju dengan Pihak Yang Diinsuranskan jika pada bila-bila masa dalam Tempoh Insurans atau tempoh masa yang berikutnya di mana Pihak Yang Diinsuranskan telah membayar dan Syarikat bersetuju menerima bayaran premium, Pihak dan/atau Orang Yang Diinsuranskan sebagai pemandu dan/atau penumpang ketika memandu atau menumpang, menaiki atau turun dari kenderaan dinamakan dalam Jadual mengalami kecederaan anggota badan secara langsung atau tidak langsung tanpa kejadian lain yang menyebabkan kematian atau hilang upaya, Syarikat akan membayar sejumlah wang seperti yang dinyatakan dalam Jadual dan mengikut Jadual Pampasan di dalam Polisi.

BAHAGIAN 1 - FAEDAH-FAEDAH

Insurans yang diperuntukan ini hanya untuk kecederaan yang diakibatkan secara langsung dan bukan dari sebab-sebab lain yang mengakibatkan perbelanjaan perubatan, kematian atau hilang upaya seperti yang dinyatakan di bawah ini, dalam had masa yang dinyatakan, tetapi hanya ke atas faedah-faedah yang dinyatakan di bawah.

JADUAL FAEDAH (RM)									
No.	Perkara / Faedah	Pelan A	Pelan A1	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E	Pelan E1 (Permit C sahaja)	Pelan F (Permit A & C sahaja)
A	Kematian Akibat Kemalangan	15,000	22,500	30,000	45,000	60,000	75,000	90,000	180,000
B	Hilang Upaya Kekal	15,000	22,500	30,000	45,000	60,000	75,000	90,000	180,000
C	Perbelanjaan Perubatan	500	750	1,000	1,500	2,000	2,500	3,000	6,000
D	Pembedahan Pembedulan Gigi dan Kosmetik	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000
E	Elaun Pengkebumian	500	500	500	500	500	500	500	500

A. KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Apabila kecederaan yang mengakibatkan kehilangan nyawa pemandu dan/atau penumpang bagi kenderaan yang dinamakan, dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan, Syarikat akan membayar jumlah yang diinsuranskan dalam Faedah A seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Faedah menurut pelan yang dipilih bagi setiap orang.

B. HILANG UPAYA KEKAL

Apabila kecederaan yang tidak mengakibatkan kehilangan nyawa pemandu dan/atau penumpang bagi kenderaan yang dinamakan dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh kemalangan tetapi mengakibatkan Kecederaan seperti berikut di dalam tempoh dua belas (12) bulan, Syarikat akan membayar pampasan menurut pelan yang dipilih.

JADUAL PAMPASAN		
Kedua-dua belah Tangan atau Kaki atau Penglihatan bagi kedua-dua belah mata	100%	BAGI JUMLAH YANG DIINSURANSKAN BAGI FAEDAH B DALAM JADUAL FAEDAH
Sebelah Tangan dan Sebelah Kaki	100%	
Sama ada sebelah Tangan atau Kaki dan Penglihatan Sebelah Mata	100%	
Sama ada sebelah Tangan atau Kaki	50%	
Penglihatan Sebelah Mata	50%	

"Hilang" kepada tangan atau kaki bermaksud hilang upaya kekal keseluruhan kegunaan kaki, lengan atau tangan dan ianya juga digunakan untuk merujuk kepada mata, bermaksud kehilangan penglihatan keseluruhan dan tidak dapat diubati. Kejadian dari sebarang kehilangan yang mana bayaran pampasan di bawah faedah ini dibuat akan membatalkan semua perlindungan insurans di bawah Polisi ini, tetapi penamatan ini seharusnya tanpa prejudis untuk mana-mana tuntutan yang berpunca dari kemalangan yang menyebabkan kecederaan tersebut. Pampasan tidak akan dibayar dalam sebarang keadaan melebihi daripada satu kecederaan, amaun maksima, seperti mana yang telah diperuntukkan di dalam Faedah ini.

Bagi Faedah A dan B perlindungan diperluaskan kepada Pihak Yang Diinsuranskan sehingga 24 jam sehari di seluruh dunia tidak mengambil kira sama ada dia berada di dalam kenderaan yang dinamakan ataupun tidak.

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damansara, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

Tel: +603 2268 3333 **Hotline:** 1 300 88 8990 **Laman Web:** www.libertyinsurance.com.my

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PEMANDU DAN PENUMPANG

C. PERBELANJAAN PERUBATAN

Jika berlaku kecederaan, pemandu dan/atau penumpang hendaklah mendapat rawatan daripada doktor atau pakar bedah yang berkelayakan dan berdaftar, penginapan di hospital atau pengupahan jururawat berlesen atau berijazah, Syarikat akan membayar perbelanjaan sebenar yang dikenakan dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu dari tarikh kemalangan untuk rawatan tersebut, caj hospital dan yuran jururawat, tetapi tidak melebihi jumlah yang diinsuranskan bagi Faedah C di dalam Jadual Faedah.

D. PEMBEDAHAN PEMBETULAN GIGI DAN KOSMETIK

Pembedahan Pembetulan Gigi dan Kosmetik akan dibayar jika dicadangkan dan dijalankan oleh pakar Ortodontik atau Pakar Pembedahan Kosmetik selepas kemalangan yang melibatkan kecederaan anggota. Faedah ini dihadkan kepada perbelanjaan sebenar yang dikenakan untuk rawatan tersebut dengan syarat operasi pembedahan mesti dilakukan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kemalangan tetapi tidak melebihi jumlah yang diinsuranskan bagi Faedah D seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah.

E. ELAUN PENGKEBUMIAN

Elaun Pengkebumian akan dibayar sehingga jumlah yang diinsuranskan seperti yang diperuntukkan dalam Faedah E di dalam Jadual Faedah kepada waris atau wakil sah Pihak Yang Diinsuranskan/Orang Yang Diinsuranskan bagi tuntutan sah di bawah Faedah A - Kematian Akibat Kemalangan.

BAHAGIAN II - PERUNTUKAN KHAS

Di dalam keadaan dimana bilangan sebenar penumpang melebihi nombor yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi, Had Liabiliti Syarikat bagi setiap orang di bawah Bahagian I akan dikurangkan dengan nisbah jumlah sebenar penumpang yang diisytiharkan. Tiada had dikenakan kepada pemandu.

Penumpang berumur dari tiga (3) tahun sehingga lima belas (15) tahun berhak mendapat 50% bagi semua faedah yang diberikan di bawah Bahagian I.

Had Wilayah : Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam.

BAHAGIAN III – PENGECUALIAN

Insurans ini tidak melindungi:

- kematian atau kecederaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, pada keseluruhan atau sebahagiannya
 - oleh jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogenik) di mana ia berlaku akibat luka dari kemalangan;
 - oleh apa-apa jenis penyakit lain;
 - oleh rawatan perubatan atau rawatan pembedahan (kecuali yang mungkin perlu akibat kecederaan yang dilindungi oleh Polisi ini dan berlaku dalam tempoh masa yang dinyatakan di dalam Polisi;
 - oleh kelahiran anak atau keguguran melainkan disebabkan kemalangan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan kepada Anda atau Pemandu Yang Dibenarkan dan/atau penumpang semasa memandu atau menumpang, menaiki atau turun kenderaan dinamakan;
 - jika Pihak Yang Diinsuranskan atau Pemandu Yang Dibenarkan memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga Pihak Yang Diinsuranskan atau Pemandu Yang Dibenarkan tidak dapat mengawal kenderaan dengan baik. Pihak Yang Diinsuranskan atau Pemandu Yang Dibenarkan akan dianggap tidak dapat mengawal kenderaan dengan sewajarnya jika selepas toksikologi atau ujian setera dengannya, ia menunjukkan bahawa tahap alkohol di dalam nafas, darah atau air kencing Pihak Yang Diinsuranskan atau Pemandu Yang Dibenarkan lebih tinggi daripada had yang ditetapkan menurut Seksyen 45G (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 daripada 80mg alkohol di dalam 100ml darah (atau setara bagi nafas atau air kencing) atau apa sahaja undang-undang yang sedang berkuat kuasa pada masa itu.
 - semasa kenderaan digunakan untuk perniagaan tidak sah atau sebagai pengangkutan umum yang tidak berlesen.
- semasa Pihak Yang Diinsuranskan sedang dalam penerbangan atau mengembara di dalam pesawat udara selain daripada sebagai penumpang berbayar dalam pesawat udara yang berlesen dalam penerbangan domestik atau penerbangan antarabangsa yang dijadualkan (berhubung dengan perlindungan 24 jam sehari seluruh dunia untuk Pihak Yang Diinsuranskan).
- Pihak Yang Diinsuranskan melibatkan diri dalam:- peluncuran air, aktiviti di dalam air yang melibatkan kegunaan radas pernafasan dalam air, memburu, mendaki gunung yang memerlukan tali atau pemandu, payung terjun, penerjunan bebas, sukan musim sejuk, seni mempertahankan diri, menunggang kuda, bergusti, bertinju, sebarang perlumbaan selain dari yang menggunakan kaki.
- sebarang kecederaan anggota yang akan mengakibatkan hernia.
- membunuh diri atau sebarang percubaan membunuh diri (secara siaman atau tidak siaman).
- kepada kerugian yang disebabkan oleh peperangan, serangan, tindakan musuh asing, pemusnahan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), dahagi, peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, insureksi, persuhabatan, rampasan kuasa tentera, undang-undang tentera atau darurat atau mana-mana peristiwa yang mencetuskan deklarasi undang-undang tentera atau darurat, kuarantin, atau undang-undang adat atau nasionalisasi oleh atau di bawah arahan kerajaan atau awam atau pihak berkuasa tempatan, atau apa-apa senjata atau alat-alat yang menggunakan pembelahan atom atau tenaga radioaktif, sama ada di dalam masa tenteram atau peperangan. Pengecualian ini tidak dipengaruhi oleh sebarang pengendorsan yang tidak merujuk secara khusus kepada perkara yang tersebut di atas, di dalam keseluruhan atau sebahagian. Pihak Yang Diinsuranskan seharusnya, jika diminta, dan sebagai syarat duluan kepada mana-mana liabiliti Syarikat, membuktikan bahawa kerugian tersebut tidak timbul di bawah atau melalui mana-mana pengecualian, keadaan atau sebab yang tersebut di atas.
- sebarang kerugian yang berlaku semasa kenderaan digunakan untuk sewa, perlumbaan, rali jalan raya, ujian kelajuan atau kegunaan untuk sebarang tujuan yang berkaitan dengan perdagangan motor.
- jika Pihak Yang Diinsuranskan atau Pemandu Yang Dibenarkan tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu kenderaan. Pengecualian ini tidak dikuat kuasakan sekiranya Pihak Yang Diinsuranskan atau Pemandu Yang Dibenarkan memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah undang-undang kecil atau peraturan yang ada.
- Individu yang berumur di bawah tiga (3) tahun dan melebihi umur sembilan puluh (90) tahun.
- kematian atau hilang upaya secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau yang diakibatkan oleh atau disumbangkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kerumitan berkaitan AIDS (ARC) tidak kira bagaimana sindrom ini diperolehi atau dipanggil.

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PEMANDU DAN PENUMPANG

11. Klausula Pengecualian Kerugian Siber Terhadap
 - a) Tanpa mengambil kira sebarang peruntukan yang bertentangan dalam Polisi ini, Polisi ini mengecualikan sebarang Kerugian Siber.
 - b) Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, tanggungan, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-apa jumlah lain yang disebabkan secara langsung oleh:
 - i. penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
 - ii. pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
 - iii. akses kepada, pemprosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;
 - iv. ketidakmampuan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
 - v. sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan i. hingga iv. di atas;
 - vi. sebarang ralat atau pengabaian atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
 - c) Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang kemasukan, pengeluaran atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
 - d) Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian untuk bertukar Data.
 - e) Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.
12. Klausula Pengecualian Pandemik:
 - a) Polisi ini akan mengecualikan semua kerugian yang timbul daripada, disumbangkan oleh, atau berpunca daripada sebarang pandemik. Dengan ini, punca penyumbang kepada pandemik adalah mencukupi.
 - b) Pandemik menurut perenggan a) merujuk kepada semua penyakit atau patogen yang diisytiharkan sedemikian oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Pengecualian ini terpakai dari tarikh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan wabak itu.
 - c) Jika Syarikat mendakwa bahawa disebabkan oleh pengecualian ini, sebarang kerugian tidak dilindungi oleh Polisi ini, beban untuk membuktikan sebaliknya adalah tanggungjawab Pihak Diinsuranskan.

Tertakluk juga kepada terma dan syarat Polisi ini.

BAHAGIAN IV - SYARAT-SYARAT

1. FASAL KONTRAK: Polisi dan Jadual ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan membentuk kontrak keseluruhan di antara semua pihak dan tiada sebarang pernyataan, kenyataan, waranti, perjanjian secara langsung atau tidak langsung, selain daripada yang terkandung di dalam kontrak ini dan sebarang ungkapan dan makna khususnya yang telah dinyatakan dalam mana-mana bahagian polisi atau jadual ini hendaklah membawa maksud khusus sedemikian dimana jua ia mungkin dicatat.
2. MASA UNTUK NOTIS TUNTUTAN: Notis bertulis untuk kecederaan yang akan melibatkan tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Syarikat dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kemalangan yang mengakibatkan kecederaan tersebut. Untuk kes kematian, notis serta merta hendaklah diberi kepada Syarikat.
3. KELENGKAPAN NOTIS: Notis oleh atau bagi Pihak Yang Diinsuranskan, seperti yang dikehendaki, hendaklah diberi kepada Syarikat dengan butiran lengkap bagi mengenal pasti identiti Pihak Yang Diinsuranskan. Kegagalan untuk memberi notis dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti yang terkandung di dalam Polisi ini tidak akan membatalkan apa-apa tuntutan jika dapat membuktikan dan memberi alasan yang kukuh di mana notis hanya dapat diberi secepat mungkin sebaik sahaja ianya dapat ditunaikan.
4. PEMERIKSAAN PERUBATAN: Syarikat berhak jika perlu untuk menjalankan pemeriksaan ke atas Pihak/Orang Yang Diinsuranskan semasa tuntutan dibuat dan mempunyai hak untuk membuat autopsi dalam kes kematian di mana ia tidak dilarang di sisi undang-undang.
5. TUNTUTAN MELALUI PIHAK YANG DIINSURANSKAN: Semua tuntutan yang berkaitan hendaklah diserahkan kepada Syarikat melalui Pihak Yang Diinsuranskan.
6. PEMBATALAN OLEH PIHAK YANG DIINSURANSKAN: Jika Pihak Yang Diinsuranskan hendak membuat pembatalan pendaftaran kenderaan atau menukar hak milik kereta seperti yang dinyatakan di dalam Polisi pada bila-bila masa, Syarikat di atas permintaan bertulis oleh Pihak Yang Diinsuranskan berserta Polisi asal yang dipulangkan, Syarikat akan membatalkan Polisi dan memulangkan premium untuk baki tempoh insurans. Walaubagaimanapun, Syarikat akan mengira premium pada kadar jangka pendek untuk tempoh Polisi ini yang telah berkuatkuasa.
7. PEMBATALAN OLEH SYARIKAT: Syarikat boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat kepada Pihak Yang Diinsuranskan di alamatnya yang terkandung dalam Polisi untuk memberitahu tarikh kuatkuasa pembatalan. Jika berlaku pembatalan ini, Syarikat akan memulangkan jumlah pro-rata premium bagi baki tempoh insurans. Pembatalan ini adalah tanpa prasangka terhadap sebarang tuntutan yang telah dibuat sebelum ini.
8. DEFINISI: Di mana sahaja di dalam Polisi ini perkataan "Syarikat" digunakan, ianya membawa maksud Syarikat yang mengeluarkan Polisi tersebut, dan di mana sahaja perkataan "Pihak Yang Diinsuranskan" digunakan, membawa maksud pencadangan yang dinamakan di dalam borang cadangan. Di mana perkataan "kecederaan" digunakan, membawa maksud kecederaan anggota badan yang berkaitan seperti diperihalkan di dalam fasal perlindungan.
9. PEMATUHAN PERUNTUKAN POLISI: Pihak Yang Diinsuranskan/Orang Yang Diinsuranskan seharusnya mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan Polisi ini setakat mana ia berhubung kait dengan apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak Yang Diinsuranskan/Orang Yang Diinsuranskan hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana liabiliti Syarikat untuk membuat sebarang bayaran di bawah Polisi ini.

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PEMANDU DAN PENUMPANG

10. **PENIMBANGTARA:** Jika berlaku pertikaian mengenai amaun bagi liabiliti Syarikat di bawah Polisi ini, perkara ini akan dirujuk kepada dua orang neutral, sebagai Penimbangtara, yang salah seorang daripadanya hendaklah dilantik oleh setiap pihak, atau Pengadil yang hendaklah dilantik oleh Penimbangtara tersebut sebelum melaksanakan rujukan; dan sekiranya salah satu pihak enggan atau gagal, dalam masa dua (2) bulan selepas diminta untuk membuat demikian secara bertulis oleh pihak yang satu lagi, untuk mencalon Penimbangtara, Penimbangtara bagi pihak yang satu lagi akan bertindak bersendirian. Adalah dengan ini dipersetujui dan diisytiharkan bahawa ianya hendaklah syarat duluan terhadap apa jua tindakan atau guaman ke atas Polisi ini, bahawa keputusan oleh Penimbangtara atau Pengadil mengenai amaun kerugian atau kerosakan jika dipertikaikan hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Kos yang berhubung dengan Penimbangtara hendaklah atas budi bicara Penimbangtara atau Pengadil.
11. **PENGELASAN UNDANG-UNDANG:** Pampasan yang dinyatakan dalam Polisi ini tidak akan diguna pakai atau termasuk:
- pampasan untuk kerugian bagi perundingan yang bukan difafsirkan atau ditentukan daripada Mahkamah yang berkuatakuasa mengikut undang-undang Malaysia.
 - Kos dan perbelanjaan yang dituntut balik oleh pihak yang menuntut daripada Pihak Yang Diinsuranskan yang tidak bertanggung atau boleh dituntut balik di Malaysia.
12. **TEMPOH INSURANS DAN SYARAT PEMBAHARUAN:** Polisi ini boleh diperbaharui dari tahun ke tahun melalui persetujuan antara Pihak Yang Diinsuranskan dan Syarikat tetapi tertakluk kepada semakan semula pada Ulang Tahun Polisi iaitu setahun selepas tarikh kuatkuasa Polisi dan setiap tahun berikutnya. Polisi ini tidak boleh diperbaharui dalam keadaan berikut:
- premium tidak dibayar, atau
 - Pihak yang diinsuranskan (pemegang polisi) telah meninggal dunia, atau
 - Pihak yang diinsuranskan (pemegang polisi) telah menuntut faedah Hilang Upaya Kekal, atau
 - Pihak yang diinsuranskan (pemegang polisi) telah mencapai had umur yang tertera dalam Polisi.
13. **SALAH NYATAAN/PENIPUAN:**
Polisi ini boleh terbatal sekiranya berlaku salah nyata, penerangan yang salah, kesilapan, tertinggal atau tidak mendedahkan fakta oleh Pihak dan/atau Orang Yang Diinsuranskan, yang mana Pihak dan/atau Orang Yang Diinsuranskan tahu atau sepatutnya telah mengetahui sebagai tidak benar, mengelirukan atau berkaitan atau yang mungkin telah mempengaruhi pertimbangan penanggung insurans yang berhemat (termasuk Syarikat) dalam menentukan premium yang perlu dibayar dan/atau menentukan jika risiko sepatutnya diterima, dengan atau tanpa niat untuk menipu Syarikat.
14. **KLAUSA HAD SEKATAN DAN PENGECUALIAN**
Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa manfaat di bawah Polisi ini jika perlindungan, pembayaran tuntutan tersebut atau manfaat tersebut mungkin mendedahkan Kami kepada sebarang sekatan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau sekatan perdagangan atau ekonomi, undang-undang atau peraturan Kesatuan Eropah, United Kingdom atau Amerika Syarikat atau Malaysia.

FASAL DAN PENGENDORSAN

dilampirkan dan dibaca sebagai sebahagian daripada Polisi (hanya terpakai sekiranya dinyatakan dalam jadual Polisi)

ETC - PENGECUALIAN DARIPADA TINDAKAN KEGANASAN

Insurans ini tidak melindungi sebarang kerugian atau kerosakan yang diakibatkan oleh atau melalui atau berpunca secara langsung atau tidak langsung, daripada sebarang tindakan keganasan.

Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh sebarang orang atau kumpulan, sama ada bertindak sendiri atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang seupamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau sebahagian orang awam berada dalam ketakutan.

PERUNTUKAN KHAS UNTUK ARAHAN PEMBAHARUAN AUTO

Akaun Calon bermaksud akaun yang dicalonkan oleh Pemegang Polisi/Pihak Yang Diinsuranskan dalam Borang Arahan Pembaharuan Auto, atau melalui arahan bertulis oleh Pemegang Polisi/Pihak Yang Diinsuranskan, di mana premium untuk Polisi ini akan didebitkan atau dicajkan.

Premium

- Premium yang dinyatakan dalam Polisi patut dibayar pada tarikh kuatkuasa Polisi. Jika dibayar secara tahunan, dibayar pada setiap ulang tahun Polisi dan jika dibayar pada setiap bulan, pembayaran adalah pada tarikh yang sama bagi bulan berikutnya. Jika pada bulan tersebut di mana premium sepatutnya dibayar, tidak mempunyai tarikh yang sama seperti bulan sebelum ini, maka premium akan dibayar pada hari terakhir pada bulan tersebut.
- Premium akan dicajkan pada Akaun Calon Pemegang Polisi/Pihak Yang Diinsuranskan bila tiba tempoh masa bayaran.
- Pembayaran premium akan memperbaharui polisi secara automatik. Tiada dokumen pembaharuan akan dikeluarkan dan Polisi yang sedia ada merupakan bukti kesahihan perlindungan.

Pembatalan Secara Automatik

- Polisi ini akan dibatalkan secara automatik bila arahan untuk membatalkan Akaun Calon Pemegang Polisi/ polisi telah dicajkan.
- Premium tidak dibayar pada tempoh masa yang ditetapkan.

POLISI INSURANS KEMALANGAN DIRI PEMANDU DAN PENUMPANG

NOTIS PENTING

1. Pihak Yang Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak memenuhi kehendak Pihak Yang Diinsuranskan, Pihak Yang Diinsuranskan hendaklah memberitahu kepada Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. Pihak Yang Diinsuranskan yang kurang berpuas hati dengan tindakan atau keputusan Syarikat, boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan atau melayari BNMLINK, Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:
 - (a) **Unit Pengendalian Aduan**
Liberty General Insurance Berhad
Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Khidmat Pelanggan
Liberty Insurance Tower,
CT9, Pavilion Damansara Heights,
3, Jalan Damanlela,
Pusat Bandar Damansara,
50490 Kuala Lumpur
Tel : +603-22683333 atau 1 300 88 8990
Emel : customer@libertyinsurance.com.my
Laman Web: www.libertyinsurance.com.my
 - (b) **Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)**
(Dahulunya dikenali sebagai Ombudsman Perkhidmatan Kewangan)
No. Syarikat : 200401025885
Talian Am : +603-2272 2811
Alamat : Level 14, Main Block,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur.
Laman Web : www.fmos.org.my
 - (c) **BNMLINK**
Bank Negara Malaysia
4th Floor, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
e-Link : bnm.gov.my/BNMLINK
Laman Web : www.bnm.gov.my
3. Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).